

Kabinet baru pasukan serba boleh

Kepakaran, pengalaman faktor utama memacu pembangunan negara

BH-16/2/2006

Oleh Kadir Dikoh

HUJUNG minggu lalu, dua menteri iaitu Datuk Seri Adenan Satem dan Datuk Dr Leo Micheal Toyad sudah dimaklumkan bahawa nama mereka tidak akan disenaraikan dalam rombakan Kabinet, yang diumumkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin.

Tetapi seorang lagi menteri yang digugurkan, Datuk Seri Dr Shafie Salleh, hanya mengetahuinya melalui siaran langsung di TV3 dan selepas itu, secara senyap keluar dari pejabatnya di Tingkat 7 Kementerian Pengajian Tinggi di Putrajaya dan terus ke tempat letak kereta bawah tanah untuk balik ke rumah, kira-kira jam 4.45 petang.

Tepat jam 2.45 petang kelmarin, Pak Lah yang diiringi Datuk Seri Najib Razak memasuki bilik sidang akhbar dan mengumumkan satu persatu nama menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen yang terbabit, sebelum menjawab sembilan pertanyaan media - semuanya berakhir dalam tempoh 15 minit.

Ada beberapa mesej penting dalam rombakan itu. Pertama membentuk pasukan untuk bekerja menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan dibentangkan di Parlimen 31 Mac ini.

Keduanya, memastikan mereka yang berkebolehan dikekalkan demi kepentingan negara secara keseluruhan tanpa mengambil kira keputusan pemilihan peringkat parti sebagai formula menentukan barisan Kabinet.

Ketiga, pengalaman dilihat amat dititikberatkan apabila tiada perubahan membatalkan menteri kanan, satu langkah yang dilihat bagi melicinkan lagi persediaan menjelang RMK-9.

Keempat, konsep perkongsian kuasa di antara 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) terus dipraktikkan dan kelima, 'menyuluh' ke dalam struktur politik Sarawak dan bagaimana rupa bentuk kepemimpinannya selepas ini atau tepat lagi selepas pilihan raya negeri yang diadakan tidak lama lagi.

Ketika Pak Lah mengumumkan rombakan itu, Toyad yang juga Naib Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) berada di rumah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud di Demak Jaya di Kuching.

Toyad sudah mengetahui nasibnya itu sejak beberapa hari lalu, tetapi bukan daripada Pak Lah dan kini tenaganya akan ditumpukan untuk membantu kempen BN dalam pilihan raya negeri Sarawak tidak lama lagi.

Apakah Toyad akan turut bertanding untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN)

dalam pilihan raya negeri dan seterusnya memainkan peranan aktif di Sarawak selepas ini?

Yang hampir pasti, Adenan yang juga Naib Presiden Kanan PBB, bakal menggantikan Abdul Taib sebagai Ketua Menteri Sarawak yang baru, kemungkinan selepas pilihan raya negeri nanti.

"Ya, saya akan kembali ke Sarawak," kata Adenan dalam satu pertemuan di kediaman rasminya di Putrajaya minggu lalu, tetapi enggan berbicara lebih lanjut.

Adenan, berkelulusan undang-undang, seperti biasa tenang dan dicelah perbualan 'off the record' mengenai politik Sarawak, beliau yang memakai kain pelikat sempat memesan kepada anak perempuannya untuk membeli makanan segera untuk dirinya.

Beberapa jam selepas pengumuman rombakan itu, beliau terbang ke Kuching dan menemui Abdul Taib semalam.

Kejutan berlaku apabila Pak Lah membawa masuk dua bekas menteri Kabinet - Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai Menteri Pelancongan menggantikan Toyad dan Datuk Seri Effendi Norwawi selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Effendi, seorang lagi Naib Presiden PBB mengisi kekosongan kuota Sarawak itu berikutan pengunduran Adenan dan selepas ini akan dilantik sebagai Senator.

Sebelum ini, Abdul Taib pernah beberapa kali menyebut secara terbuka tiga nama untuk menggantikannya iaitu Timbalan Presiden PBB, Datuk Abang Johari Openg yang juga Menteri Perumahan Negeri, Adenan dan Effendi.

Sumber dari Kuching memberitahu, kini berlaku sedikit kekecohan berikutan tindakan membawa pulang Adenan khususnya di kalangan penyokong Abang Johari. Setengah pihak mengandaikan Abang Johari kemungkinan dicadangkan untuk dilantik sebagai Menteri Kabinet Persekutuan jika Adenan jadi Ketua Menteri.

"Tetapi masalahnya, kuota PBB itu kini sudah diisi oleh Effendi. Saya harap tidak timbul pergolakan dalam PBB sebelum pilihan raya negeri ini dan sesuatu perlu dilakukan bagi mengelak perpecahan," kata sumber itu.

Kejutan juga berlaku apabila sesetengah menteri yang dikatakan akan digugur, masih dikekalkan. Misalnya, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang diselubungi kontroversi berikutan isu Permit Import (AP) sebelum ini, dikekalkan. Begitu juga Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, yang sejak kebelakangan ini 'dihantui' dengan isu jejantas retak.

Yang nyata, Pak Lah mengekalkan mereka

yang boleh bekerja dengan baik serta menyaksikan campuran muka lama dan baru.

Ketika ditanya pada sidang media itu mengapa beberapa menteri kanan masih dikekalkan, Abdullah berkata semua menteri itu masih diperlukan. Mengenai Rafidah, beliau berkata: "Saya masih memerlukan pengalaman dan kebolehannya."

Ini jelas menunjukkan kepentingan negara mengatasi kepentingan lain.

Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir pula dianggap agak 'bijak' kerana lebih awal mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Menteri Penerangan, tiga jam sebelum Pak Lah mengumumkan rombakan itu.

Sekurang-kurangnya, beliau berjaya mengelak 'digugurkan' daripada Kabinet dan digantikan timbalannya, Datuk Zainudin Maidin, yang sedang mengharungi kesesakan lalu lintas di ibu negara ketika Pak Lah mengumumkan rombakan Kabinet.

Bagaimanapun, pelantikan bekas juru terbang, Datuk Zulhasnan Rafique sebagai Menteri Wilayah Persekutuan bagi mengisi kekosongan ditinggalkan Tan Sri Mohd Isa Samad Oktober lalu, tidak begitu mengejutkan.

Berdasarkan senarai baru rombakan itu, ia lebih banyak membatalkan pemimpin Umno manakala tiada anggota daripada MCA dan MIC digugurkan, kecuali daripada Gerakan.

Dua menteri yang tewas pada pemilihan di Perhimpunan Agung Umno sebelum ini, Abdul Kadir dan Mohd Shafie, digugur tetapi seorang lagi yang turut tewas, Datuk Seri Azmi Khalid terselamat walaupun bertukar portfolio sebagai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, menggantikan Adenan.

Yang nyata, seperti diakui sendiri oleh Pak Lah ialah keputusan pemilihan peringkat parti bukan menjadi formula untuk beliau menentukan barisan menteri Kabinet dan ini jelas berlaku dalam Umno.

Seperti dijangka, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Kerk Choo Ting yang tewas dalam perebutan jawatan Presiden Gerakan sebelum ini, digugurkan.

Yang amat ketara dari dulu hingga kepada zaman Pak Lah ialah kebanyakan ketua parti komponen dikekalkan, kecuali mereka tewas dalam pemilihan parti masing-masing atau bersara secara sukarela.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting kekal sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik sebagai Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, manakala Samy Vellu yang juga Presiden MIC kekal di kementeriannya.

Begitu juga Presiden Pertubuhan Pasok

Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO) Tan Sri Bernard Dompok dan Timbalan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Dr Maximus Ongkili, kedua-duanya kekal sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta Setiausaha Penganjur, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Datuk Peter Chin selaku Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Walaupun Maximus dan Chin bukan ketua parti, mereka adalah wakil mutlak parti masing-masing pada peringkat Persekutuan.

Langkah mengekalkan ketua parti komponen terus menjadi tradisi diamalkan oleh empat Perdana Menteri sebelum ini hingga ke era Pak Lah, yang jarang membatalkan pengguguran mengejut pemimpin parti komponen apabila melakukan rombakan sejajar konsep perkongsian kuasa.

Malah, walaupun pelantikan itu menjadi hak mutlak Perdana Menteri, pemimpin utama parti komponen secara tidak langsung juga mempunyai 'kuasa' menyokong atau mencadangkan nama tertentu daripada parti masing-masing untuk dipertimbang sama ada patut dikekalkan atau digugurkan tetapi keputusan akhir tetap berada di tangan Perdana Menteri.

Pak Lah memanggil beberapa pemimpin parti komponen seperti Samy Vellu dan Ong sehari sebelum rombakan itu. Malah, Pak Lah turut mendapat pandangan Abdul Taib ketika mengunjungi Ketua Menteri Sarawak itu di Kuching, Sabtu lalu.

Kesannya? Kerk yang tewas kepada Lim bagi jawatan Presiden Gerakan sebelum ini, digugurkan; Ketua Pemuda MCA yang baru, Datuk Liow Tiong Lai dilantik Timbalan Menteri Belia dan Sukan; Adenan Satem 'dilepaskan' untuk kembali ke Bumi Kenyalang dan Effendi, kembali semula ke dalam Kabinet.

Di kalangan ahli Umno, Pak Lah yang juga Presiden parti itu turut menyuntik golongan pelapis seperti Ahli Parlimen Kemaman, Ahmad Shabery Cheek sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Luar.

Pak Lah turut menaikkan pangkat beberapa Setiausaha Parlimen ke jawatan Timbalan Menteri seperti Datuk Wira Abu Seman Yusof sebagai Timbalan Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan; Datuk Zainal Abidin Osman selaku Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Datuk Mohd Johari Baharum sebagai Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Senator Datuk Abdul Rahman Suliman pula dilantik sebagai Timbalan Menteri di JPM.

Seperti diharapkan oleh Pak Lah, pasukan baru itu akan berupaya membantunya memacu pembangunan negara selepas pelan RMK-9 dibentangkan 31 Mac nanti.